

PM yakin menang di Telok K

UM 28 MAY 2000

Oleh. ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 27 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kerusi Parlimen Telok Kemang pada pilihan raya kecil, 10 Jun ini dengan majoriti yang lebih besar.

Perdana Menteri berkata, BN menyifatkan kemenangan di Telok Kemang sebagai amat penting kerana ia akan dapat menafikan pendapat bahawa rakyat mahukan parti pembangkang menang pada pilihan raya umum lalu.

Menurutnya, pada masa ini parti-parti pembangkang berpendapat bahawa keputusan pilihan raya umum 1999 itu menunjukkan satu aliran ke arah memberi kemenangan kepada mereka.

“Tetapi sebenarnya, keputusan pilihan raya tahun 1999 itu adalah disebabkan oleh kejayaan Pas meletakkan fitnah dan memperalatkan DAP serta Keadilan untuk kepentingan mereka,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Pengaruh

Dr. Mahathir berkata, jika BN berjaya menunjukkan bahawa Pas sekarang ini sudah tidak lagi mempunyai pengaruh, beliau yakin parti itu tidak akan dapat lagi menggecap kejayaan seperti dalam pilihan raya tahun lalu.

Pilihan raya kecil Parlimen Telok Kemang dia-

dakan berikutan kematian ahli Parlimen kawasan itu, S.A. Anpalagan pada 28 April lepas.

Penamaan calon ditetapkan pada Selasa depan manakala pengundian pada 10 Jun.

BN akan diwakili oleh Setiausaha Politik Menteri Kerja Raya, S. Sothiathan manakala Keadilan diwakili oleh Ketua Penerangannya, Ruslan Kasim.

Pada pilihan raya umum lepas, Anpalagan mengalahkan N. Gobalakrishnan dari DAP dengan majoriti 9,942 undi.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir menegaskan, BN perlu menang di Telok Kemang bagi membuktikan yang kemenangan dalam pilihan raya kecil di Sanggang baru-baru ini bukan satu kebetulan.